
Perlu cermat terap AI dalam dasar pendidikan, elak hilang makna ilmu

Oleh Mohd Jamizal Zainol - Jun 12, 2024 @ 10:01am
bhrencana@bh.com.my



- Foto hiasan

Apabila Klaus Schwab cuba meyakinkan dunia mengenai idea Revolusi Industri 4.0 (IR4.0) di Forum Ekonomi Dunia (WEF) di Davos, Switzerland pada 2016, tiba-tiba dunia gegak-gempita dan teruja dengan idea berkenaan.

Beliau yang juga Pengerusi Eksekutif WEF 'menyihir' masyarakat dengan meyakinkan mereka bahawa dunia akan dilanda suatu revolusi bakal mengubah cara kita hidup, bekerja dan berkomunikasi.

Mesin akan menjadi bijak dan berhubung antara satu sama lain hingga membawa gelombang teknologi baharu termasuk data analitik, kecerdasan buatan (AI) dan alat perhubungan canggih (connected devices).

Setakat ini belum ada berani menyanggah teori IR4.0 dan seolah-olah mengiyakan filem Hollywood seperti I-Robot lakonan Will Smith dan Total Recall (Arnold Schwarzenegger).

Tidak dinafikan AI banyak membantu manusia mendapatkan maklumat dengan pantas dan mempertingkat produktiviti tetapi keghairahan dunia memeluk erat AI hingga menjadi dasar pendidikan negara agak menghairankan.

Pertama, dasar pendidikan mestilah bersifat tetap berlandaskan teori ilmu itu sendiri supaya tidak keliru dan mengelirukan.

Kedua, sesuatu dasar perlu diperhalusi dan diteliti dengan cermat supaya tidak bersifat 'trendy' semata-mata tanpa memikirkan kesan jangka panjang kepada manusia itu sendiri.

Kita mudah menerima sesuatu teknologi tanpa memikirkan kesan jangka panjang. Tidak dinafikan AI membantu manusia dalam melakukan pekerjaan seharian namun ia perlu digunakan secara cermat tanpa menghakis sifat tabii manusia itu sendiri terutama hubungan insan dengan ilmu.

Tujuan manusia diberikan didikan adalah untuk mendapatkan ilmu hingga tahap yakin supaya tidak ada kekeliruan dan mampu menolak yang salah. Ia bukan bersifat waham atau was-was.

Selain itu, tujuan pendidikan bukan untuk mendapatkan maklumat semata-mata kerana manusia yang banyak maklumat tidak bermakna berilmu. AI membantu kita mendapatkan maklumat dengan pantas atau melakukan kerja dengan jalan singkat tetapi adakah manusia akan lebih berilmu dengan penggunaannya?

Dibimbangi AI hanya membuatkan manusia lebih bodoh kerana sudah mengabaikan aspek berguru dan mujahadah dalam mendapatkan sesuatu ilmu pengetahuan.

Misalnya sekarang untuk membuat tugasan universiti, pelajar hanya perlu menaip kata kunci betul di Chat GPT, dengan mudah semua jawapan kepada persoalan dihamburkan secara begitu singkat sekali.

Jarang sekali kita lihat pelajar melakukan kajian di perpustakaan dan membuka puluhan buku mencari suatu jawapan. Hatta nanti tiada lagi pertemuan dengan guru atau pensyarah atau 'bersubhah' dengan mereka bagi merungkai suatu permasalahan ilmu.

Tradisi baik diajarkan cerdik pandai kita terdahulu sudah mula tersingkir daripada kebolehan manusia. Akibatnya, maksud ilmu sudah dikelirukan dengan teknologi AI. Makna ilmu sebenar ialah 'kedatangan makna ke dalam jiwa dan kedatangan jiwa terhadap makna.'

Tanpa mujahadah, berguru dan membaca puluhan buku bagi mendapatkan jawapan kepada suatu permasalahan, sudah tentu tidak akan mencapai maksud ilmu tadi.

Tambahan pula, apabila teknologi itupun dinamakan 'buatan', mana mungkin perkara tidak tulus menjadi asas pendidikan anak kita. Makna dan faham ilmu herot akhirnya membawa kepada polisi cacamarba.

Sepatutnya di peringkat rendah, tumpuan diberikan kepada pembinaan asas manusia, iaitu membaca, mengira dan menulis. Selain itu, menjadikan manusia sebagai manusia dengan etika dan moral benar melalui faham agama tulus serta jernih.

Perlu ditegaskan, tujuan pendidikan bukannya ditentukan cita rasa dan kemahuan masyarakat dalam melangsungkan kehidupan.

Pendidikan bukan hanya pada pengetahuan membolehkan orang melakukan kerja berdasarkan teknologi dan kemahuan ekonomi. Sebaliknya pendidikan menjadikan manusia memahami hakikatnya sebagai manusia, akhirnya memahami Penciptanya.

Justeru, penekanan mesti diberikan kepada subjek sejarah, agama, seni dan budaya termasuk sains sebenar bukan sains moden hanya terhad kepada empirikal sains menolak faktor metafizik dan intuisi sebagai antara sumber ilmu.

Pindah kecerdasan manusia kepada robot tiada jiwa

Apabila sudah mantap kemahiran sebagai manusia, maka bolehlah berpindah ke ilmu fardu kifayah dan alat di peringkat menengah. Pelik sekiranya manusia masa kini cuba memindahkan kecerdasan manusia sepatutnya kekal dalam kalbu kepada robot tiada jiwa.

Akhirnya manusia seolah-olah menjadi robot hilang 'roh' dan 'jiwa', sedangkan robot pula bertindak seperti manusia. Lama-kelamaan manusia hilang kebolehan daya fikir sendiri kerana semuanya dilakukan robot.

Sains adalah ilmu alat dan adalah bahaya jika menjadikan AI dan sains moden sebagai nilai hidup. Adalah bahaya menjadikan kehidupan perlu dinilai mengikut perubahan dalam sains dan teknologi.

Apabila menjadikan sains moden sebagai nilai hidup, lama-kelamaan nilai dan etika turut berubah mengikut arus teknologi. Ditakuti lambat-laun agama dan Tuhan juga disisihkan daripada rencana hidup.

Saya ingin menyorot pembentangan Pegawai Penyelidik Kanan Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), Dr Muhammad Husni Mohd Amin bertajuk A Multi-Perspectival Approach on Building and Islamic Ethical Framework for Artificial Intelligence.

Beliau menekankan sehebat manapun AI, ia tidak akan dapat menandingi kehebatan intelek manusia. Beliau mencadangkan pembangun AI mesti mematuhi etika baik. Algoritma mesti memasukkan nilai kemanusiaan untuk mengelakkan kesan buruk kepada manusia.

Pembangun AI juga mesti meletakkan suatu taraf etika dalam algoritmanya kerana AI secara sendirinya tidak mempunyai etika. Beliau mencadangkan undang-undang khusus untuk menyelia teknologi AI.

Pembuat dasar pendidikan negara dalam menangani gelodak AI mesti mengetuk hati adakah AI hendak diperkenalkan nanti sebagai dasar baharu pendidikan negara mesti melepasi satu 'ujian' penting, iaitu adakah tujuannya menekankan aspek adab.

Adab bukanlah etiket seperti majoriti faham tetapi kebolehan seseorang mengenali dan memperakui kedudukan sesuatu benda serta perkara pada tempat wajar bagi dirinya berdasarkan darjat dan martabatnya masing-masing dalam rencana dasar kejadian hingga membawa kepada pengenalan dan perakuan mengenai kedudukan Tuhan dalam rencana-dasar kewujudan.

Jika sesuatu dasar itu tidak mampu menghasilkan manusia beradab, maka tinggalkanlah dan janganlah diperkenalkan ke dalam dasar pendidikan negara dan terikut-ikut dengan desakan antarabangsa dan trend terkini.

Kesimpulannya, AI tidak dengan apa cara sekalipun dapat menggantikan pengetahuan dan ilmu manusia. Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim selalu mengungkapkan konsep lazatul ma'rifah (kelazatan ilmu mengenali) dan beliau mengulanginya sekali lagi ketika merasmikan Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur (PBAKL).

Tingkatan ilmu perlu dicapai manusia dalam memburu ilmu pengetahuan ialah tahap lazatul ma'rifah hanya sampai dengan ilmu yakin sebati dengan hati, seterusnya bersedia mendapatkan ilham dalam mengenali Sang Pencipta Tuhan Yang Esa.

Jika kita bergantung sepenuhnya dengan AI, akan hilang tujuan hakiki manusia mendapatkan ilmu dan hilanglah makna kebahagiaan kelazatan ilmu mengenali itu tadi yang menjadi puncak kepada matlamat mencari ilmu pengetahuan.

Penulis adalah Pengerusi Yayasan Pusat Polisi dan Hal Ehwal Ekonomi Malaysia (PEACE)